From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MSM–UUM PERKUKUH KERJASAMA DEMI KELESTARIAN KUALITI AIR INDUSTRI GULA
Date: Tuesday, 8 September, 2026 3:50:09 PM
Attachments: image002.png
image003.png

8 SEPTEMBER 2026 / 26 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Nur Azean Baharom dan Tunku Muhammad Al-Amin Tunku Kasim

MSM–UUM PERKUKUH KERJASAMA DEMI KELESTARIAN KUALITI AIR INDUSTRI GULA



UUM ONLINE: PULAU PINANG - MSM Prai Berhad (MSM Prai) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan kerjasama strategik dalam usaha memastikan kelestarian alam sekitar menerusi pelaksanaan pemantauan kualiti air di premis operasi MSM Prai.

Aktiviti itu melibatkan pemantauan dan pensampelan kualiti air pada selang masa setiap satu jam selama tiga hari berturut-turut.

Pemantauan intensif ini bertujuan mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang perubahan ciri-ciri air sisa industri dalam tempoh operasi yang berbeza.



Data yang dikumpulkan akan digunakan bagi mengenal pasti pencirian sebenar air sisa, menilai pola perubahan parameter kualiti air serta menyokong proses penambahbaikan teknologi rawatan yang paling sesuai untuk digunakan di MSM Prai.

Usaha ini penting bagi memastikan air sisa industri dapat dirawat dengan lebih berkesan sebelum dilepaskan ke alam sekitar, sekali gus membantu mengurangkan risiko pencemaran dan melindungi kelestarian sumber air.

Pasukan MSM Prai diketuai oleh Fatin Baherah Khusna Yahya, manakala UUM diwakili oleh Dr. Maheera Mohamad dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML).



Dr. Maheera berkata, pendekatan pemantauan secara berkala dan intensif membolehkan pasukan penyelidikan memperoleh data yang lebih tepat berhubung perubahan kualiti air sisa sepanjang tempoh operasi industri.

“Data yang diperoleh melalui pemantauan setiap satu jam selama tiga hari ini amat penting sebagai asas saintifik untuk menilai dan menambah baik teknologi rawatan yang akan dicadangkan.

“Teknologi berkenaan perlu bersesuaian dengan keadaan sebenar di lapangan, praktikal untuk dilaksanakan dan berupaya menyokong pematuhan terhadap keperluan alam sekitar,” katanya.

Menurutnya, kerjasama antara universiti dan industri juga membuka ruang kepada perkongsian kepakaran, pemindahan ilmu serta pembangunan penyelesaian berasaskan penyelidikan bagi menangani cabaran sebenar yang dihadapi oleh pihak industri.



Sementara itu, penglibatan pasukan MSM Prai dalam aktiviti tersebut mencerminkan komitmen berterusan syarikat untuk meningkatkan prestasi pengurusan alam sekitar dan memastikan operasi industri gula dilaksanakan secara lebih bertanggungjawab.

Kerjasama MSM–UUM ini selari dengan aspirasi kelestarian negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi, SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur serta SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab.

Inisiatif berkenaan diharapkan dapat menghasilkan cadangan teknologi rawatan air sisa yang lebih cekap, praktikal dan mampan, seterusnya menjadi model kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi dengan industri dalam memelihara kualiti air dan kelestarian alam sekitar.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.